

# Pensyarah, penyelidik UPM terima pengiktirafan

Oleh Rosniza Md Taha  
yoniza@bharian.com.my

**S**ERAMAI 27 pensyarah dan penyelidik cemerlang Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pengiktirafan sempena Majlis Gemilang Akademia Putra di Putrajaya, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, lima menerima Anugerah Pengajaran Putra yang dikhususkan untuk pensyarah cemerlang, Anugerah Penyelidik Cemerlang (tujuh) dan Anugerah Perundingan (lapan) untuk perundingan yang menjana pendapatan universiti serta Anugerah Insentif Paten (tujuh).

Ketiga-tiga kategori itu adalah anugerah utama bagi mengenal pasti calon Anugerah Akademia Negara yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi pada setiap tahun.

Penerima Anugerah Pengajaran Putra adalah Prof Dr Mohamed Ali Rajion dari Fakulti Perubatan Veterinar, Prof Madya Dr Samsilah Roslan (Fakulti Pengajian Pendidikan), Prof Madya Dr Saleh Kadzimin (Fakulti Pertanian), Dr Ooi Peck Toung (Fakulti Perubatan Veterinar) dan Dr H'ng Paik San (Fakulti Perhutanan).

Sementara itu, penerima Anugerah Penyelidik Cemer-



**PENSYARAH dan penyelidik UPM yang menerima anugerah bergambar pada Majlis Gemilang Akademia Putra di Putrajaya, baru-baru ini.**

lang kategori Penerbitan Cemerlang ialah Prof Dr Mohd Adzir Mahdi dari Fakulti Kejuruteraan dan Prof Madya Dr Norhasni Zainal Abiddin (Fakulti Pengajian Pendidikan), manakala Dr Adam Leow Thean Chor (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul) serta Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (Fakulti Perubatan Veterinar) masing-masing penerima kategori Penyelidik Muda dan Pengkomersialan.

Penerima lain Prof Ir Dr Mohd Sapuan Salit dari Fakulti Kejuruteraan dengan dua anugerah iaitu Khas Antarabangsa dan Insentif Penerbitan, Prof Dr Mohd Adzir Mahdi dari fakulti sama menerima Anugerah Penerbitan dan Dr Syahrilnizam Abdullah (Fakulti Perubatan dan Sains

Kesihatan) mendapat Insentif Penerbitan.

Penyandang Anugerah Emas Perunding Cemerlang ialah Prof Madya Dr Paridah Md Tahir dari Fakulti Perhutanan dengan projek bernilai RM592,783 dan Prof Madya Dr Mohd Kamil Yusuf dari Fakulti Pengajian Alam Sekitar (RM514,000).

Penerima Perak anugerah sama ialah Dr Azlizam Aziz dari Fakulti Perhutanan dengan projek bernilai RM447,475, Dr Amin Mahir Abdullah dari Fakulti Pertanian (RM415,001), Mohd Basri Hamzah dari Institut Perhutanan dan Produk Hutan (RM403,050), Prof Dr Mohd Ali Hassan dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (RM300,820) dan Prof Madya Dr Awang Noor Abd

Ghani dari Fakulti Perhutanan (RM299,195).

Sementara itu Prof Madya Dr Paridah Md Tahir dari Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan memenangi Anugerah Perunding Putra dengan projek bernilai RM592,783.

Paridah diberi kepercayaan untuk menjalankan dua projek perundingan dengan projek kajian mengenai Sistem Pemantauan dan Audit untuk Program Tanaman Ladang Hutan bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bernilai RM352,783 dan projek Development of High-Grade Oil Palm Stem Plywood for Building Construction kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bernilai RM240,000.